

Bukan kuasa DBKL

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lain tidak bertanggungjawab atau mempunyai apa sahaja kaitan dalam pembinaan di kawasan lebuh raya terutama membabitkan laluan yang digunakan orang ramai.

Sehubungan itu, sebarang masalah atau rujukan perlu dikemukakan kepada pihak berkaitan sama ada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mahupun Jabatan Kerja Raya (JKR).

Malah, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan menegaskan, pihaknya tidak mempunyai kaitan dan kuasa dengan sebarang projek pembinaan di kawasan lebuh raya.

“Pembinaan lebuh raya di ibu negara tidak perlu mendapatkan perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“LLM bertanggungjawab untuk menyelia dan melaksanakan reka bentuk pembinaan, kawal selia, pengendalian dan penyelenggara lebuh raya antara bandar,” ujarnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Beliau mengulas kejadian membabitkan seorang wanita yang nyaris maut apabila kereta dipandunya dihempap kepingan konkrit dari struktur pembinaan Lebuh raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) yang jatuh di Lebuh raya Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

Dalam pada itu, Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat (Ikatan) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, prosedur operasi standard (SOP) baharu berkaitan projek pembinaan di laluan utama yang digunakan orang ramai perlu dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Katanya, langkah tersebut penting demi memastikan tahap piawaian keselamatan pembinaan berada tahap paling tinggi.